

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
(HULU SELANGOR)**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan situasi pekerjaan belia ketika penularan wabak COVID-19. Apakah inisiatif Kementerian bagi membantu belia yang terjejas akibat pandemik COVID-19 terutamanya isu pekerjaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Agenda Pemerksaan Belia Nasional (Strategi Untuk Belia Pasca COVID-19) bagi membantu belia resah menekankan kepada empat (4) Dimensi Ekonomi iaitu: Peluang Pekerjaan; Penciptaan Pekerjaan; Latihan dan Kemahiran; dan Dana dan Kemudahan.

Dalam usaha menangani masalah ini KBS menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara telah melaksanakan beberapa program bagi membantu belia yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dalam menyediakan peluang kerjaya. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

## SOALAN NO : 10

Program Skim Perantisan Nasional. Skim Perantisan Nasional (SPN)

Merupakan program tawaran baru SPN berkonsepkan “*place and train*” bagi membantu melonjakkan kebolehpasaran belia dan menyediakan lebih banyak peluang untuk belia mendapatkan pengalaman bekerja. KBS bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia di bawah inisiatif PENJANA bagi melaksanakan program SPN untuk belia mendapatkan pengalaman bekerja di sektor swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

Program ini melibatkan penempatan latihan perantisan selama tiga (3) hingga enam (6) bulan. Perantis akan ditempatkan di syarikat mengikut keperluan bidang kerja dan kemahiran yang diperlukan oleh syarikat tersebut. Dalam tempoh penempatan ini, perantis akan mengikuti latihan kemahiran *soft skills* yang dikendalikan oleh penyedia latihan secara berkala. Latihan *soft skills* ini mensasarkan peningkatan modal insan dan profail perantis. Sehingga 23 Ogos 2021, jumlah peserta yang terlibat dalam program Skim Perantisan Nasional (SPN) ialah seramai 5,363 orang melibatkan sebanyak 169 syarikat/*training provider*.

Program *MyGig*

*MyGig* bertujuan untuk meningkatkan keterlibatan belia dalam ekonomi gig bagi menjana pendapatan. Program ini terbahagi kepada dua (2) iaitu:

*MyGig Service* - Menyediakan peluang pekerjaan dan jana pendapatan tambahan melalui platform digital dengan melaksanakan tugas secara hands-on seperti penghantaran, eHailing dan lain-lain perkhidmatan, dan

*MyGig Digital Freelance* - Menjana pendapatan tambahan dan mendapatkan pekerjaan melalui platform digital dan melaksanakan tugas secara atas talian dengan kemahiran tertentu seperti programming, pereka grafik dan lain-lain perkhidmatan yang berkemahiran.

## SOALAN NO : 10

Sehingga Jun 2021, seramai 2,676 orang belia telah mendaftar untuk menyertai program MyGig Service dan 1,009 daripadanya telah mendapat peluang pekerjaan. Manakala, 1,872 orang belia telah mendaftar untuk program *MyGig Digital Freelencer* dan 1,037 telah mendapat peluang pekerjaan.

Program Pembangunan Kemahiran Kerjaya menerusi kursus kursus webinar seperti Jom Cipta Kerja, Inspire! Kerjaya Agro, MYPRENEUR dan lain-lain yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat-maklumat berkaitan peluang penciptaan pekerjaan dalam konteks: keusahawanan; pertanian; dan ekonomi digital secara langsung kepada belia. Sehingga 5 Ogos 2021, Sebanyak 34 siri kursus webinar telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 9,826 orang; dan

KBS turut diberi peranan dan tanggungjawab untuk menggerakkan Malaysia Vaccine Support Volunteer (MyVac) bagi mengisi keperluan tenaga kerja sukarelawan bukan kesihatan dengan membuka peluang pekerjaan melalui penempatan pekerjaan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) seluruh Malaysia. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM20juta bagi pembayaran elaun sukarelawan bukan kesihatan MyVac di atas khidmat bakti dan sumbangan tenaga serta masa mereka membabitkan seramai 8,056 orang sukarelawan sehingga Ogos 2021.

Sekian, terima kasih.